



No. Fail : MITI.100-3/1/13 JLD 7 (35)
Tarikh : 15 Oktober 2025

YBhg. Datuk Zahid Ismail
Ketua Pengarah
Malaysia Productivity Corporation (MPC)

YBhg. Datuk,

**PELANTIKAN SEBAGAI RAKAN KERJASAMA STRATEGIK
SEMPENA MITI ASEAN DAY 2025**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) akan menganjurkan Program **MITI ASEAN Day 2025** yang akan dirasmikan oleh YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri MITI. Program MITI ASEAN Day 2025 ini akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **14 dan 15 November 2025 (Jumaat dan Sabtu)**
Masa : **9.00 pagi – 6.00 petang**
Tempat : **Menara MITI, Kuala Lumpur**

3. Berdasarkan Mesyuarat Penyelarasan Penganjuran MITI ASEAN Day 2025 bertarikh 13 Ogos 2025, mesyuarat telah bersetuju supaya **MITI dan Agensi-Agensi di bawahnya** bekerjasama dan menjadi **rakan strategik** bagi penganjuran program MITI ASEAN Day 2025 ini. Sebagai rakan strategik, MITI dan Agensi akan bersama-sama menyelaras dan menjayakan program ini secara penganjuran bersama. Adalah diingatkan supaya semua urusan perbelanjaan dan pelaksanaan program hendaklah mematuhi semua peraturan dan tatacara kewangan serta garis panduan MITI yang berkaitan.

4. Bagi menarik lebih ramai pengunjung ke program ini, pelbagai aktiviti dan acara menarik akan dianjurkan sepanjang tempoh program berlangsung. Sehubungan itu, selaku rakan strategik, agensi-agensi terlibat adalah digalakkan untuk mengambil peluang ini bagi mempromosikan peranan, fungsi dan inisiatif masing-masing kepada orang ramai. Sebarang pertanyaan mengenai ini bolehlah dikemukakan kepada pihak sekretariat seperti butiran berikut:

- i. **Pn. Mulyati Afiza Mutalib** : mulyati@miti.gov.my
03 6207 1117
- ii. **Cik Ainsyatul Azmi** : aainsyatul.mystep@miti.gov.my
03 6207 1090
- iii. **En. Kamaruzaman** : kamaruzaman.omar@midf.com.my
03 2173 8888

5. MITI berharap dengan kerjasama ini, Program MITI ASEAN Day 2025 dapat dianjurkan dengan jayanya. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk dalam perkara ini amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMIR MUSYABRI ABDUL MUTALLIB)

Pengarah

Bahagian AKI, Seranta dan Saham

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

s.k.: KSU

TKSU (I)